



MOHD. FIRDAUS (kiri) didakwa di Mahkamah Majistret Seremban semalam kerana tidak mematuhi perintah TTPM.

## Syarikat umrah, pengarah mengaku ingkar arahan TTPM

**SEREMBAN** – Sebuah syarikat perkhidmatan umrah dan pengarahanya mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, di sini semalam atas pertuduhan tidak mematuhi arahan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) kepada dua pihak yang menuntut wang berjumlah RM41,920.

Syarikat Persada Oasis Travel & Tours Sdn. Bhd. yang diwakili pengarahannya, Mohd. Firdaus Ahmad selaku orang kena saman (OKS), 38, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret, Nor Hafiza Ishak.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat itu dan pengarahnnya didakwa gagal mematuhi perintah TTPM yang memerintahkan syarikat terbabit membayar RM27,880 dan RM14,040

kepada dua wanita berusia 50-an yang menuntut wang itu dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan pada 27 Jun 2023.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat TTPM, di sini pada 26 Julai 2023.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Khairul Azman Rosli, manakala Mohd. Firdaus tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 22 Februari ini untuk sebutan semula kes dan hukuman.